

07 OCT 1997

MIC-Mahathir

MIC MAHU DR MAHATHIR TERUSKAN PERJUANGAN DAN BUKTIKAN PENGKRITIKNYA SALAH

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Jawatankuasa Kerja Pusat MIC hari ini meluluskan resolusi menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya meneruskan perjuangannya dan membuktikan pengkritiknya salah dengan menyelesaikan masalah ekonomi yang sedang melanda negara sekarang.

"MIC merayu kepada Perdana Menteri supaya terus teguh dengan keazamannya untuk mencari penyelesaian kepada masalah ekonomi yang melanda negara sekarang," kata resolusi itu.

Presiden MIC, Datuk Seri S.Samy Vellu yang membaca kandungan resolusi itu pada satu sidang berita di sini berkata, jawatankuasa itu mengambil keputusan "mengulangi sokongan tidak berbelah baginya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin kerajaan persekutuan."

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya berkata MIC "akan berdiri di belakang Dr Mahathir setiap masa dalam usaha untuk mencari penyelesaian kepada masalah ekonomi sekarang.

"MIC menyokong penuh saranan Perdana Menteri kepada negara supaya menghadapi masalah sementara ini dengan keberanian, disiplin, kebijaksanaan dan tidak gelabah dengan situasi ini," katanya.

Resolusi itu dibuat ketika laporan-laporan media asing yang menganggap Malaysia mungkin akan menghadapi kemelesetan ekonomi berikutan dengan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Matawang ringgit telah susut kira-kira 30 peratus berbanding dengan dolar Amerika manakala pasaran saham kerugian satu pertiga dari permodalannya berikutan penurunan nilai baht Thai pada 2 Julai.

Samy Vellu berkata MIC sedar bahawa ada kalangan rakyat Malaysia yang bimbang dengan masalah ekonomi yang sedang melanda negara sekarang berikutan kejatuhan ringgit dan pasaran saham.

"MIC berpendapat inilah masanya rakyat Malaysia berdiri teguh dibelakang Perdana Menteri bagi mencari penyelesaian kepada masalah yang sedang dihadapi dan yakin ekonomi negara akan pulih seperti sediakala tidak lama lagi," katanya.

Parti itu juga menggesa rakyat Malaysia supaya berwaspada dengan campur tangan dari luar yang hanya akan menghancurkan perpaduan rakyat dan ekonomi negara.

Rakyat perlu sedia berkorban dengan mengurangkan pembaziran, berbelanja lebih dan menghentikan pembelian barang-barang import bagi mengawal defisit akaun semasa.

Samy Vellu berkata parti itu akan mengerahkan semua 450,000 anggotanya mempertingkatkan produktiviti ketika menghadapi cabaran ini sebagaimana yang diharapkan dari mereka sebagai rakyat setia negara ini. -- BERNAMA

ES WAT